

**DAP adakan pemilihan CEC semula demi buktikan tidak bersalah, kata Tony Pua**  
**Malaysian Insider**  
**Aug 15 , 2013**  
**Oleh Md Izwan**

Keputusan DAP mengadakan pemilihan semula Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) yang diputuskan hari ini bukan kerana desakan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (RoS) tetapi bagi membuktikan parti itu tidak bersalah, kata Tony Pua (gambar), hari ini.

Awal hari ini, pengerusi parti Karpal Singh dalam satu kenyataan mengumumkan DAP bersetuju untuk mengadakan pemilihan semula CEC selepas berbulan-bulan kontroversi itu berlarutan.

"Keputusan untuk mengadakan pemilihan semula akan memberi peluang kepada delegasi untuk membuktikan secara terang bahawa parti tidak melakukan sebarang kesalahan.

"Di samping itu, keputusan CEC itu diambil bagi melindungi kepentingan yang diperoleh DAP sejak bergelut dalam kancah politik semalam 45 tahun lalu dan demi kepentingan jangka masa panjang parti," kata Pua dalam satu kenyataan media hari ini.

Bagaimanapun, Pua mengemukakan keras RoS kerana bersikap melulu tanpa memberikan sebarang asas untuk menjatuhkan hukuman kepada DAP.

"RoS tidak mempunyai kuasa di bawah Akta Pertubuhan untuk menggesa pemilihan semula ke atas DAP dan berdegil untuk menjelaskan dibawah undang-undang apakah tindakan sedemikian boleh diambil.

"Bukan itu sahaja, mereka juga gagal memberikan sebarang alasan mengapa pemilihan semula diperlukan," tegas Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara itu lagi.

Pua juga mempersoalkan integriti RoS yang disifatkannya dipengaruhi oleh tokoh politik daripada parti pemerintah Umno sehinggakan mereka menyalahguna kuasa yang diperuntukkan ke atas mereka.

"Langkah autokratik daripada RoS jelas menunjukkan campur tangan politik oleh Umno, lebih spesifiknya Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Zahid Hamidi.

"Jika RoS boleh menyalahguna kuasa mereka untuk memerintahkan DAP mengadakan pemilihan semula, tidak mungkin juga mereka menyalahguna untuk membatalkan pendaftaran sesebuah parti politik," kata Pua, sambil tidak menolak DAP akan menimbangkan tindakan mahkamah untuk menyingkirkan arahan RoS mengikut lunas perundangan.

Dalam pada itu, Pua berkata, semua delegasi CEC 2008-2011 akan berjumpa pada Khamis depan untuk membincangkan persediaan bagi mengadakan pemilihan semula CEC.

Pada 30 Julai lalu, ROS mengarahkan DAP mengadakan pemilihan semula CEC dan memaklumkan ia tidak berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh parti itu berhubung isu penyelewengan undi pada pemilihan CEC dan isu manipulasi undi membabitkan 547 perwakilan. - 15 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-adakan-pemilihan-cec-semula-de-mi-buktikan-tidak-bersalah-kata-tony>